

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30 APRIL 2016

Kerja keras Najib bolehkan Malaysia depuni kejutan ekonomi

Salleh beri penghargaan kepada Perdana Menteri

■ KUALA LUMPUR 29 APRIL

MENTERI Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak hari ini memberi penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bagi 'kerja dilakukan sejak 2009' yang telah membolehkan Malaysia mendepani 'kejutan ekonomi yang melanda kita'.

Beliau berkata, hasilnya rakyat Malaysia terus menikmati kehidupan yang aman dan boleh meneruskan 'kehidupan seperti biasa seperti mana sebelum berlaku ribut ekonomi'.

Najib memegang jawatan sebagai Perdana Menteri pada April 2009.

Menerusi catatan dalam blognya, Salleh berkata, pada hari ini ekonomi global membawa impak ke atas semua negara dan Malaysia tidak terkecuali dan apabila sebuah negara kian muncul sebagai negara perdagangan, lagi ia terdedah kepada ketidaktentuan pasaran global.

"Selama 220 bulan, Malaysia telah menikmati lebih perdagangan tetapi kita masih perlu mempunyai strategi untuk memastikan kita mampu mendepani cabaran itu.

"Untuk berbuat demikian, kita perlu memperkukuhkan asas ekonomi kita. Sudah berkali-kali kita melihat bahawa strategi seumpama itu akan meletakkan negara di hadapan," katanya.

"Hasil daripada kerja yang dilakukan sejak 2009, dan diterajui Perdana Menteri, kejutan ekonomi yang



Hasilnya rakyat Malaysia terus menikmati kehidupan yang aman dan boleh meneruskan 'kehidupan seperti biasa seperti mana sebelum berlaku ribut ekonomi'."

SALLEH SAID KERUAK
Menteri Komunikasi dan Multimedia

melanda kita telah dapat didepani dengan baik dan kita rakyat Malaysia terus menikmati kehidupan yang aman dan meneruskan kehidupan seperti biasa seperti mana sebelum berlaku ribut ekonomi," katanya.

Salleh berkata, tidak dapat dinafikan negara terpaksa membuat beberapa pengubahsuaian tetapi tidak secara drastik.

"... dan di peringkat kebangsaan kita terus menyaksikan pertumbuhan KDNK dan peningkatan per kapita Pendapatan Negara Kasar. Ini sekali lagi disahkan dan diberi penarafan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti Bank Dunia dan Forum Ekonomi Dunia, hanya menamakan beberapa badan," katanya.

Beliau berkata, bagi golongan yang terjejas, kerajaan masih mampu menyediakan program bantuan yang betul seperti BR1M dan program ekonomi seperti 1AZAM walaupun berdepan keangan ekonomi akibat penu-

runan harga komoditi.

"Malaysia kini antara 10 negara terbaik di dunia bagi Pembangunan Pasaran Kewangan menurut Ranking Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia 2015-2016.

"Nilai ringgit telah meningkat dan tidak terus menyusut seperti mana diramal banyak pihak. Dunia masih belum berakhir bagi kita, seperti dijangka mereka," katanya.

Salleh berkata, rakyat perlu mengambil kira perkembangan positif ekonomi dan tidak mengkritik apa sahaja yang dilakukan kerajaan.

"Pembangkang telah memaparkan gambaran tidak baik tentang negara dan tiada apa yang baik untuk dikatakan mereka tentang kerajaan.

"Tetapi tidak semua yang mereka katakan tentang negara atau kerajaan adalah betul dan semua itu hanya untuk memenuhi agenda politik mereka. Kita perlu berikan pujian sekiranya sesuatu itu patut dipuji," katanya. - BERNAMA



UM - 30/4/2016